

Tesco sasar 30 peratus ahli baharu Clubcard

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 Dis.

TESCO Stores (Malaysia) Sdn. Bhd. (Tesco) menyasarkan pertumbuhan 30 peratus pelanggan baharu kad kesetiannya melalui pelancaran Clubcard yang dilengkapi ciri Touch 'n Go dalam masa enam bulan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Georg Fisher berkata, pihaknya kini mempunyai 1.7 juta pelanggan yang aktif menggunakan Clubcard dan menjangka 70 peratus daripadanya akan beralih kepada kad baharu itu dalam tempoh yang sama.

Katanya, Tesco yang mempunyai keseluruhan 4 juta ahli Clubcard merupakan pasar raya besar pertama di negara ini yang menawarkan kad kesetiaan dengan perkhidmatan Touch 'n Go bagi memudahkan pelanggan membuat pembayaran dan tambah nilai tanpa yuran tambahan.

"Clubcard dengan ciri Touch 'n Go ini akan memberikan lebih kemudahan kepada ahli Clubcard untuk membeli-belah, di samping mendapat ganjaran yang lebih baik bila berbelanja di Tesco.



Tesco yang mempunyai keseluruhan 4 juta ahli Clubcard merupakan pasar raya besar pertama di negara ini yang menawarkan kad kesetiaan dengan perkhidmatan Touch 'n Go bagi memudahkan pelanggan membuat pembayaran dan tambah nilai tanpa yuran tambahan."

GEORG FISHER
Ketua Pegawai Eksekutif Tesco

"Sejak pelancaran Tesco Clubcard pada 2007, kami telah mengedarkan RM130.8 juta baucar kepada pelanggan kami menjadikan program kesetiaan Clubcard ini paling mendapat ganjaran dalam negara.

"Tesco berharap Clubcard dengan ciri Touch 'n Go yang diperbaharui ini, lebih banyak pelanggan

akan mendaftar untuk mendapatkan ganjaran apabila berbelanja di Tesco," katanya pada pelancaran kad baharu tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Touch 'n Go Sdn. Bhd., Abdul Karim Md. Lassim.

Sementara itu, Abdul Karim berkata, pihaknya menyasarkan untuk mempunyai 1,000 peruncit yang akan menawarkan perkhidmatan pembayaran menggunakan Touch 'n Go pada tahun hadapan, berbanding 50 peruncit ketika ini.

Menurutnya, pertumbuhan tersebut akan menjana lebih banyak terminal Touch 'n Go ketika ini 500 kepada 3,000 terminal.

"Jumlah sasaran itu agak besar tetapi kami yakin dapat melakukannya kerana semakin ramai peruncit yang mula mendekati kami untuk menawarkan perkhidmatan ini dalam perniagaan mereka.

"Setakat ini, peralihan kepada Touch 'n Go dalam kalangan syarikat agak perlahan kerana banyak syarikat memberi tumpuan untuk menyediakan sistem cukai barang dan perkhidmatan (GST). Saya yakin selepas GST, lebih banyak perniagaan perkhidmatan yang akan menawarkan pembayaran melalui Touch 'n Go," ujarnya.



GEORG FISCHER (kiri) dan Abdul Karim Md. Lassim melancarkan Tesco Clubcard bersama Touch 'N Go di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AQLUL HAKIMI

Eita Resources labur RM12.3 juta bina kilang baharu di Klang

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Eita Resources Bhd. (Eita), memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM12.3 juta bagi pembinaan kilang baharunya di Bandar Bukit Raja, Klang, Selangor.

Pengarah Urusan Kumpulan, Fu Wing Hoong berkata, kilang baharu berkenaan akan berperanan sebagai pusat bagi pembuatan dan kemudahan ujian yang turut dilengkapi dengan gudang serta bangunan pejabat.

Ujarnya, modal yang diperuntukkan itu juga untuk pembelian mesin-mesin baharu serta pembinaan Menara Ujian di lokasi sama bagi penyelidikan dan pembangunan

(R&D) untuk lif.

"Di Eita, kami serius mengembangkan serta menambah baik kemudahan bagi tujuan R&D untuk mengekalkan prestasi jangka panjang kumpulan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Tambahnya, kumpulan menyasarkan untuk mencapai perolehan sebanyak RM1 bilion menjelang 2020 dan 70 peratus daripadanya disumbangkan oleh sektor pembuatan.

"Untuk tujuan itu, kumpulan akan berusaha mengembangkan pasaran dengan mengintai peluang-peluang di pasaran luar Malaysia.

"Kami juga mendapat sokongan

daripada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) serta konsultan daripada McKinsey untuk meluaskan lagi pasaran Eita," katanya.

Jelasnya, Eita kini sudah mengembangkan perniagaannya di 11 buah negara seperti Kuwait, Arab Saudi, Filipina, Vietnam serta Singapura dan kini mempunyai sebuah pejabat di Indonesia.

Antara projek-projek besar yang dijalankan syarikat berkenaan adalah pembinaan sistem lif bagi Projek Mass Rapid Transit (MRT), Encorp Strand, Kota Damansara, serta Universiti Al Jouf di Arab Saudi.



FU WING HOONG menunjukkan antara produk yang dihasilkan oleh Eita Resources Bhd. di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/AMIRUL AFFENDY

mApp Multimedia bangun aplikasi untuk WeChat

KUALA LUMPUR 1 Dis. - mApp Multimedia Sdn. Bhd, pemaju aplikasi multimedia, telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan gergasi perkhidmatan e-dagang China, Hang Zhou Yaker Web-Technologies Co. Ltd, untuk membangunkan aplikasi mikro WeChat.

Sebagai pemaju aplikasi WeChat bertauliah untuk Hang Zhou Yaker Web-Technologies, mApp Multimedia akan berupaya membangunkan aplikasi mikro interaktif yang akan beroperasi dalam platform WeChat.

mApp Multimedia dijangka



membantu pelanggan memanfaatkan komuniti yang besar ini dengan membangunkan aplikasi mikro yang bersasar, dinamik dan berkesan dan juga membolehkan peruncit dan entiti korporat Malaysia mencatat pulangan jualan yang lebih baik atau mencatat pemasaran dan penjenamaan yang lebih tinggi melalui platform mesej sosial WeChat.

Antara aplikasi interaktif atau ciri-ciri yang boleh dihasilkan menggunakan penyelesaian aplikasi mikro mApp termasuk Pusat Beli-Belah Mikro, Pembelian

Berkumpulan, Keanggotaan-M, Pelantikan-M, Visual Panorama 360 Darjah dan Interaktif-M, semuanya menggunakan platform WeChat.

Pada majlis menandatangani MoU baru-baru ini, mApp Multimedia diwakili Pengarah Urusannya, Millan Lee manakala Hang Zhou Yaker Web-Technologies oleh Pengarah Operasi, Jeff Lee Jun Qi. - BERNAMA



KASMIMA KHAIRUDIN (kiri), memotong reben sebagai gimik perasmian butik El Zahraa di Bandar Baru Uda, Johor Bahru, baru-baru ini. - UTUSAN/AMIN FARIZ HASAN

Cawangan baharu El Zahraa dibuka di Johor Bahru

JOHOR BAHRU 1 Dis. - Peminat pakaian muslimah di Johor dan Singapura kini berpeluang mendapatkan fesyen terbaru keluaran El Zahraa yang kini membuka cawangan keempatnya di UDA Business Centre, Bandar Baru Uda, di sini.

Pemilik rangkaian butik tersebut, Kasmima Khairudin berkata, pembukaan cawangan terbaharu itu adalah bagi memudahkan pelanggan di negeri ini dan dari seberang Tambak Johor untuk mendapatkan pakaian keluaran El Zahraa secara terus.

"Ini pembukaan yang keempat selepas bermula di Seri Kembangan, cawangan yang kedua di Shah Alam, Selangor pada 2011 dan yang ketiga di Ipoh, Perak pada Ogos

lalu.

"Keputusan membuka cawangan di Johor Bahru dibuat selepas melihat potensi yang besar di sini berdasarkan kajian yang dilakukan sejak Mei lagi," katanya ketika ditemui selepas majlis pembukaan cawangan El Zahraa di sini kelmarin.

El Zahraa bermula sebagai butik dalam talian pada tahun 2008 melalui laman blog dalam era blogspot ketika itu sebelum berkembang dengan pemasaran menerusi rangkaian beli-belah dalam talian yang terkenal di seluruh Asia, Zalora.

Menurut Kasmima, sambutan yang diterima dalam pembukaan cawangan baharu itu sangat baik dan melangkaui jangkaan awal

yang ditetapkan berdasarkan promosi yang dilakukan bersama rangkaian butik di kawasan perniagaan tersebut.

Dalam perkembangan lain, beliau turut merancang untuk membuka sebuah lagi butik di Kuala Terengganu, Terengganu pada tahun hadapan berdasarkan sambutan yang diterima ketika menyertai karnival Malaysia Top 40 Brand di Taman Tamadun Islam.

"Walaupun ketika itu hujan lebat, ia tidak menghalang kedatangan pengunjung yang datang seperti sekawan 'piranha' dan menyerbu gerai pameran ketika itu. Ia menunjukkan permintaan terhadap El Zahraa di Terengganu adalah tinggi," katanya lagi.



MALAYSIA Airlines menyediakan penyelesaian elektronik dalam dek penerbangan dengan semua pesawat A330 dilengkapi kemudahan iPad Air Apple dan carta navigasi. - GAMBAR HIASAN

Pesawat A330 MAS dilengkapi kemudahan iPad

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Semua pesawat A330 Malaysia Airlines (MAS) kini dilengkapi kemudahan iPad Air Apple dengan carta navigasi elektronik daripada Lufthansa Systems serta aplikasi gabungan Airbus Flysmart.

Pengarah Operasinya, Kapten Izhah Ismail berkata, langkah tersebut akan membuka jalan bagi penyelesaian tanpa kertas dengan proses membantu meningkatkan keberkesanan operasi serta keselamatan penerbangan.

Beliau berkata, maklumat elektronik secara interaktif itu mengandungi kesemua laluan pen-

erbangan dan lapangan terbang, dibuat dengan cara yang mudah untuk juruterbang, daripada pelapasan hingga pendaratan.

Katanya, aplikasi sistem itu akan membolehkan persediaan penerbangan yang lebih mudah tanpa menjejaskan aspek keselamatan.

"MAS menjadi pelopor di Asia Pasifik dalam menyediakan penyelesaian elektronik dalam dek penerbangan.

"Adalah penting bagi kami memanfaatkan teknologi semasa dan inovasi untuk meningkatkan kesedaran keadaan juruterbang kami," katanya dalam kenyataannya di sini hari ini.

Menurut Izhah, aplikasi itu membolehkan akses yang lebih baik bagi juruterbang dan perolehan maklumat penerbangan dengan lebih cepat.

"Dokumen boleh didapati secara elektronik dan lebih mudah berbanding mencari maklumat tertentu dalam manual penerbangan yang tebal," katanya.

Selain itu, katanya, MAS juga mendapat manfaat daripada peningkatan keselamatan disebabkan persediaan anak kapal yang diperkemaskan serta bertambahnya kesedaran terhadap persekitaran. - BERNAMA

MTC raih jualan RM6 juta dari Asia Barat

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Misi pemasaran Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) ke Qatar, Oman dan Kuwait untuk meningkatkan eksport kayu ke pasaran Asia Barat dan Afrika Utara (MENA) mencatat jualan eksport kira-kira RM6 juta.

Pengarah MTC bagi Promosi dan Pembangunan Perdagangan, Dr. Eric Ng berkata, misi pemasaran itu berjaya menonjolkan permintaan positif bagi produk kayu Malaysia dan membina hubungan perdagangan dua hala yang kukuh dengan pemimpin pasaran di Asia Barat.

Katanya, Asia Barat merupakan pasaran yang semakin penting bagi sektor perikanan Malaysia yang mana pada tahun lalu, eksport produk kayu Malaysia ke pasaran membangun menunjukkan pertumbuhan positif kerana projek mega di negara-negara tersebut lebih meminati produk kayu Malaysia, khususnya kayu gergaji, papan serat kepadatan sederhana (MDF) dan perabot kayu.

"Kayu keras tropika seperti Meranti adalah antara pilihan utama pemilik rumah di Asia Barat yang mahukan kayu keras yang berkualiti tinggi dan cantik untuk pintu, rangka pintu, lantai, geladak dan juga kemasan dan hiasan.

"Dengan keupayaan dan sumber kita yang besar, kita berada di kedudukan yang cukup baik untuk memenuhi permintaan bagi produk kayu yang meningkat di rantau itu," katanya dalam kenyataannya di sini hari ini.

Jumlah eksport kayu-kayan dan produk kayu Malaysia ke Qatar, Oman dan Kuwait masing-masing menyumbang RM67.2 juta, RM96.8 juta dan RM112 juta. Jika digabungkan, ia membentuk 24 peratus daripada jumlah eksport kayu Malaysia ke negara-negara Majlis Kerjasama Teluk pada 2013.

Misi MTC disertai 12 syarikat Malaysia yang mempromosikan produk mereka menerusi sesi rangkaian perniagaan dengan pembeli, pengimport dan pengedar kayu serta meninjau peluang usaha sama di ketiga-tiga negara yang memperlihatkan peningkatan aktiviti pem-

binaan dan permintaan bagi produk kayu keras yang berkualiti.

Ng mengetuai delegasi tersebut yang terdiri daripada syarikat Bestwin Resources, Bortim Export, Eco Lumber, E.P.W., Supreme Fame, Welley Timber Industries, Robina Flooring, Segamat Panel Boards, SNL Woods, Top Forest Wood dan dua syarikat bumiputera iaitu MyGlam dan Zahan Resources.

Antara produk yang menjadi tumpuan ialah kayu gergaji, acuan, produk panel seperti lantai berlaminasi MDF dan papan serat kepadatan tinggi dan kayu lapis seperti beruti dan glulam (kayu lapis berperekat).

Menurut Ng, syarikat-syarikat Malaysia juga menyertai seminar tentang kayu-kayan Malaysia dan juga mesyuarat perniagaan dengan perniagaan (B2B) di Qatar, Oman dan Kuwait untuk mempromosikan produk mereka dan membina rangkaian dengan pembeli yang berpotensi daripada 55 syarikat tempatan di ketiga-tiga negara tersebut.